



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of Computing
Faculty of Engineering

UHMS1172 – DINAMIKA MALAYSIA
SEKSYEN 22
SEMESTER 1 2019/2020

LAPORAN KEMPEN
SAYANGILAH MALAYSIAKU, MALAYSIA BERSIH
(MALAYSIAKAH ANDA?)

PENSYARAH: DR. MOHD NASIR BIN MASROOM

BIL.	AHLI KUMPULAN	NO. MATRIK
1.	MUHAMMAD FAHMI BIN MOHD NURJI	A19EC0302
2.	KHAIREENNUR KHALIESHA BINTI MOHAMAD JAIS	A19EC0300
3.	NURSYAHIDATUL ASYIQIN BINTI YUSOF	A19EC0240
4.	IZZATUN NADIAH BINTI ABDUL RAHMAN	A19EC0056
5.	CHIAM WOOI CHIN	A19EC0034
6.	GOH JO EY	A19EC0047

ISI KANDUNGAN

BILANGAN	TAJUK	HALAMAN
1	Latar Belakang Program	3
2	Objektif Program	4
3	Strategi Pelaksanaan	4
4	Carta Organisasi	5
5	Tugas Ahli Kumpulan	6
6	Tentatif Program	7
7	Persiapan Program	8
	7.1 Pembentangan Cadangan Program	8
	7.2 Bajet Program	9
	7.3 Hebahan Program	9
	7.4 Kuiz Program	10
8	Semasa Program	13
	8.1 Persediaan Tempat	13
	8.2 Carta Perlaksanaan Program	14
	8.3 Aktiviti Kuiz Google Form	14
	8.4 Aktiviti Permainan Tradisional	15
	8.5 Aktiviti Pemberian Cenderahati	17
9	Pasca Program	18
	9.1 Senarai Nama Peserta	18
	9.2 Keputusan Keseluruhan Kuiz Google Form	20
	9.3 Keputusan Setiap Soalan Kuiz	21
10	Refleksi	25
	10.1 Kekuatan Program	25
	10.2 Kelemahan Program	25
	10.3 Cadangan Penambahbaikan	25
11	Kesimpulan	26

1. LATAR BELAKANG PROGRAM

Bertemakan Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih bagi Hari Kebangsaan 2019, Malaysia menekankan kepentingan perpaduan dan semangat cintakan negara bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara tanpa mengira perbezaan kaum, agama, dan bangsa. Rasionalnya, kerajaan mewujudkan tema ini dengan harapan boleh memupuk dan menyalakan nilai integriti dan jati diri rakyat Malaysia yang bersih dan tinggi.

Berlandaskan kepentingan-kepentingan di atas, kami telah bersepakat memilih subtopik tema dengan tajuk “Malaysiakah Anda?” sebagai topik utama dalam melaksanakan program ini. Terdapat pelbagai kepentingan yang telah diwujudkan semasa program ini dijalankan. Antaranya, perpaduan antara kaum, semangat cintakan negara dan warisan negara. Kami memilih kepentingan-kepentingan ini sebagai isu yang ingin diketengahkan supaya dapat mewujudkan keharmonian kaum dalam kalangan mahasiswa agar kekal utuh. Dalam konteks perpaduan kaum, peserta yang menyertai program kami terdiri dari pelbagai kaum. Tambahan pula, ahli kumpulan kami juga terdiri daripada kaum Cina dan Melayu. Hal ini dilihat sebagai satu perkara yang unik kerana kami dalam satu kumpulan bekerjasama untuk menjayakan program ini.

Seterusnya, kami mengadakan kuiz tentang semangat cintakan negara sesuai dengan tajuk program kami. Kuiz tersebut terdiri daripada 10 soalan yang berkaitan tentang Malaysia. Selain itu, kami memilih permainan tradisional sebagai kepentingan yang ingin dikekalkan di kalangan mahasiswa. Hal ini kerana, terdapat segelintir mahasiswa yang tidak mengenali tentang permainan tradisional. Antara permainan tradisional yang dimainkan ialah congkak, dam haji, capteh, ceper dan batu seremban. Motif kami memilih permainan tradisional ini untuk mengekalkan tradisi Malaysia agar tidak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

2. OBJEKTIF PROGRAM

- ✓ Memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya mahasiswa untuk lebih mengenali negara Malaysia.
- ✓ Mendedahkan kepada mahasiswa tentang warisan negara seperti permainan tradisional.
- ✓ Menerapkan rasa cinta akan negara.
- ✓ Mengelakkan hubungan silaturrahim antara kaum dalam kalangan mahasiswa UTM.
- ✓ Berpotensi sebagai salah satu usaha untuk menyatupadukan keharmonian dalam kalangan warga UTM.

3. STRATEGI PELAKSANAAN

3.1 Kolaboratif

Berbincang secara kolaboratif dengan pensyarah dan seterusnya merujuk kepada ahli-ahli berkaitan program yang hendak dijalankan.

3.2 Koperatif

Bergerak secara koperatif dengan ahli kumpulan dalam membuat persiapan program Sayangi Malaysiaku, Malaysiaku Bersih.

3.3 Bekerja Secara Berpasukan

Bergerak secara berpasukan dengan ahli kumpulan dari awal hingga akhir program ini selesai dijalankan.

3.4 Bimbingan

Sentiasa mendapatkan tunjuk ajar dan bertanya kepada pensyarah dan ahli-ahli kumpulan agar program dapat dijalankan dengan jayanya.

4. CARTA ORGANISASI



PENASIHAT
(DR. MOHD NASIR BIN MASROOM)



KETUA PROGRAM
(KHAIRENNUR KHALIESHA BINTI MOHD JAIS)



SETIAUSAHA
(MUHAMMAD FAHMI BIN MOHD NURJI)




BENDAHARI
(IZZATUN NADIAH BINTI ABDULRAHMAN)



AJK PERSEDIAAN TEMPAT
(CHIAM WOOI CHIN)



AJK MULTIMEDIA
(GOH JO EY)



AJK CENDERAHATI
(NURSYAHIDATUL ASYIQIN BINTI YUSOF)

5. TUGAS SETIAP AHLI KUMPULAN

Jawatan	Tugas
Ketua Program	<ul style="list-style-type: none">• Mengetuai program dan aktiviti yang dijalankan mengikut perancangan.• Membahagi tugas ahli kumpulan.• Mengatasi setiap masalah yang timbul.
Setiausaha	<ul style="list-style-type: none">• Mencatat maklumat yang diperlukan.• Mencatat minit mesyuarat.• Membuat laporan program.
Bendahari	<ul style="list-style-type: none">• Menyediakan bajet program.• Mengatur dan mengawal perbelanjaan.• Mengumpul wang dari setiap ahli kumpulan.
AJK Persediaan Tempat	<ul style="list-style-type: none">• Menyusun meja dan kerusi mengikut bilangan yang diperlukan.• Memastikan Kawasan program dalam keadaan bersih.
AJK Cenderahati	<ul style="list-style-type: none">• Menyediakan cenderahati berbentuk makanan.• Memastikan cenderahati dalam keadaan baik.
AJK Multimedia	<ul style="list-style-type: none">• Mengambil gambar dan merakam video.• Menyediakan ‘backdrop’.

6. TENTATIF PROGRAM

Hari : Ahad
Tarikh : 8 Disember 2019
Masa : 8.00 p.m. – 10.00 p.m.
Tempat : M01, Kolej Tun Dr. Ismail, UTM

7.30 p.m.	- Persiapan tempat oleh Ajk Persediaan Tempat - Persediaan cenderahati berbentuk makanan oleh Ajk Makanan
8.00 p.m.	Kempen bermula - Booth Kuiz – Syahidatul Asyiqin - Booth Cenderahati – Chiam Wooi Chin - Booth Congkak dan Dam Haji – Khaireennur Khaliesha - Booth Capteh – Muhammad Fahmi - Booth Ceper dan Batu Seremban – Izzatun Nadiah - Jurugambar – Goh Jo Ey
10.00 p.m.	Kempen berakhir - Pembersihan kawasan program - Mesyuarat pasca program
10.30 p.m.	Bersurai

7. PERSIAPAN PROGRAM

7.1 Pembentangan Cadangan Program

Pada 4 November 2019, satu pembentangan cadangan program yang ringkas telah dibentangkan oleh kami di dalam kelas Dinamika Malaysia, Seksyen 22, bagi memberikan tajuk dan idea untuk program ini. Pensyarah merangkap Penasihat Program kami, Dr. Mohd Nasir bin Masroom telah memberi taklimat kepada kami bagi pengisian dan perjalanan program ini. Persedian untuk program ini telah dimulakan bermula 14 November 2019 sehingga 15 Disember 2019. Persediaan yang dijalankan termasuklah pembentangan untuk program ini.

Sebelum program ini dimulakan, kumpulan kami terlebih dahulu telah mengadakan perbincangan tentang program ini. Kami memberikan pelbagai idea masing-masing dan menunjukkan nilai bersatu padu dan bertolak ansur kerana berbincang secara terbuka seperti arahan yang diberikan oleh penasihat kami.



Mesyuarat idea program

7.2 Bajet Program

Bil.	Barang	Harga
1.	5 Paket makaroni	5 * RM4.00
2.	5 Paket sosej ayam	5 * RM4.00
3.	1 Paket lobak merah	1 * RM3.00
4.	50 Bekas Makanan dan Minuman (1 paket – 10 bekas)	6 * RM2.10
5.	1 Bungkus air batu	1 * RM3.00
6.	50 Sudu (1 paket – 50 sudu)	1 * RM2.00
	JUMLAH	RM60.60

Senarai bajet di atas merupakan bajet kami untuk menyediakan cenderahati kepada pengunjung yang telah berjaya menjawab kuiz dan bermain permainan tradisional. Cenderahati kami dalam bentuk makanan iaitu makaroni goreng berserta air ribena. Cenderahati ini hanya akan diberikan kepada 50 peserta terawal sahaja.

Kami telah meminjam permainan tradisional seperti congkak, dam haji, dari Sekolah Komputeran di mana mereka telah menyedikan permainan tradisional di ruang interaksi pelajar, blok N28a. Kami telah mendapatkan kebenaran untuk meminjam permainan tersebut dan tiada bayaran yang dikenakan.

7.3 Hebahani Program

Program ini telah kami hebahkan ke “WhatsApp Group” yang berkaitan dan di media sosial masing-masing. Tujuan utama hebahani ini untuk menarik orang ramai agar hadir ke program kami. Berikut adalah poster dan hebahani program kami.



7.4 Kuiz Program

Kuiz program dalam bentuk Google Form telah disediakan oleh Izzatun Nadiah. Sebanyak 10 soalan kuiz yang disediakan. Soalan-soalan tersebut berbentuk pilihan dan bertemakan Malaysia.

MALAYSIAKAH ANDA?

*Required

Name *

Your answer

Phone Number *

Your answer

1. Siapakah wanita pertama yang menjadi timbalan perdana menteri dia Malaysia? *

1 point

Tan Sri rafidah aziz

Dato Sri Dr wan azizah binti wan ismail

Datin Sri hahah rosmah binti mansor

Tan Sri zeti aziz

2. Apakah maksud warna biru pada bendera Malaysia? *

1 point

Keberanian

Kedaulatan

Perpaduan

Kesucian

3. Apakah rukun negara yang ketiga? *

1 point

- Kesetiaan kepada raja dan negara
- Keluhuran pelembagaan
- Kepercayaan kepada tuhan
- Kesopanan dan kesusilaan

4. Apakah tema hari kemerdekaan pada tahun 2019? *

1 point

- 1 Malaysia
- Sayangi Malaysia, Malaysiaku Bersih
- Sehati Sejiwa
- Transformasi Nasional 2050

5. Tahun ini merupakan tahun yang ke ____ Malaysia mencapai kemerdekaan ? *

1 point

- 57
- 62
- 63
- 60

6. Apakah sarapan kebiasaan rakyat Malaysia? *

1 point

- Nasi lemak
- Roti canai
- Satay
- Kuih lompang

7. Apakah permainan tradisional yang terdapat di Malaysia? *

1 point

- Congkak
- Baru seremban
- Gasing
- Semua di atas

8. Antara berikut yang manakah merupakan permainan traditional kaum india? *

1 point

- Wau
- Xiang Qi
- Kabadi
- Gasing

9. Berapakah bilangan orang yang diperlukan untuk bermain congkak? *

1 point

- 4
- 3
- 2
- 1

10. Malaysia mempunyai pelbagai tarian KECUALI

1 point

- Tarian ngajat
- Tarian kpop
- Tarian zapin
- Tarian kuda kepang

Submit

8. SEMASA PROGRAM

8.1 Persediaan Tempat

Pada 8 Disember 2019, pukul 7.30 malam, persiapan tempat telah disediakan oleh Ajk Persediaan Tempat, Chiam Wooi Chin. Beliau dibantu oleh Goh Jo Ey untuk menyediakan tempat berkempen di M01, Kolej Tun Dr Ismail. Terdapat empat buah meja berserta kerusi yang digunakan. “Backdrop” juga dipasang bagi menarik perhatian pengunjung. Kami menyediakan lima booth iaitu Booth Kuiz, Booth Cenderahati, Booth Congkak dan Dam Haji, Booth Capteh, dan Booth Ceper dan Batu Seremban.

Dalam masa yang sama, Khairreenur Khaliesha, Syahidatul Asyiqin dan Muhammad Fahmi telah bersama-sama menyediakan cenderehati berbentuk makanan dan menyusunnya di atas meja Booth Cenderahati. Minuman percuma iaitu air ribena disediakan untuk semua peserta yang hadir.




“Backdrop” yang disediakan oleh Ajk Persediaan Tempat



Cenderahati makanan yang disediakan oleh Ajk Cenderahati

8.2 Carta Perlaksanaan Program



8.3 Aktiviti Kuiz Google Form

Bagi Booth Kuiz, sebanyak empat komputer riba digunakan untuk menjawab kuiz melalui Google Form. Syahidatul Asyiqin bertanggungjawab untuk menjaga booth ini dan memastikan semua komputer riba berfungsi dalam keadaan baik.



Syahidatul Asyiqin (kanan) membantu peserta menjawab kuiz



Peserta menjawab kuiz melalui Google Form

8.4 Aktiviti Permainan Tradisional

Selepas peserta berjaya menjawab kuiz, peserta mestilah bermain permainan tradisional. Terdapat lima permainan tradisional yang disediakan iaitu congkak, dam haji, capteh, ceper dan batu Seremban. Tugas menjaga booth seperti berikut:

Booth	Nama
Booth Congkak dan Dam Haji	Khaireennur Khaliesha
Booth Capteh	Muhammad Fahmi
Booth Ceper dan Batu Seremban	Izzatun Nadiah



Peserta bermain congkak



Peserta bermain dam haji



Peserta bermain capteh



Peserta bermain ceper



Peserta bermain batu seremban

8.5 Aktiviti Pemberian Cenderahati

Bagi 50 peserta terawal yang berjaya menjawab kuiz dan bermain permainan tradisional, mereka akan diberikan cenderahati berbentuk makanan. Chiam Wooi Chin bertanggungjawab untuk mengendalikan Booth Cenderahati ini dan perlu memastikan cenderahati dalam keadaan baik.



Chiam Wooi Chin mengendalikan Booth Cenderahati



Muhd Fahmi memberikan cenderahati kepada peserta

Program dan semua aktiviti berakhir pada pukul 10.00 malam. Kami terus membersihkan Kawasan program dan memastikan Kawasan tersebut berada dalam keadaan asal. Setelah itu, kami berbincang sedikit untuk mengetahui refleksi, kekuatan dan kelemahan program, dan penyediaan laporan. Perbincangan diteruskan dari semasa ke semasa melalui “WhatsApp group.”

9. PASCA PROGRAM

9.1 Senarai Nama Peserta


Seramai 75 responden telah menjawab Kuiz melalui Google Form. Berikut adalah senarai nama peserta yang menjawab kuiz ini.

1. NG PEI WEN
2. Koh Xin Yi
3. CHONG LI LING
4. ng wen gee
5. NG JING ER
6. ong yin ren
7. Leong Geok Bin
8. LEE HUI ZHONG
9. chong hong lei
10. Az Mukhlis Iskandar
11. NUR FATIN ALIA BINTI PANGAT
12. Dayang Nur Syuhada binti Abdul Aziz
13. Muhammad Halim Bin Johar
14. NURUL SYAZAAMANINA BINTI MOHD NIZAM
15. NUREEN SYAHMINA AQILAH
16. Muhammad Mukhlis Bin MOHD Feris Halmy
17. SHAKIRAH BINTI MOHD SHUKUR
18. INTAN MARINA BINTI SULAIMAN
19. Imran Hakim Norasmadi
20. AIMAN ARRIADY BIN AZMAN
21. RAKESH A/L KANNAPATHY
22. Siti Najwa Binti Apandi
23. AMIRUL SYAFIQ BIN MOHD QISTI
24. MUHAMMAD NAJIB FIQRI BIN SULAIMAN
25. AMIR HAKIM BIN AHMED MAHIR
26. Husny Musharraf
27. ROSHINI

28. KHAIRUL AMIRIN
29. MUHAMMAD RAFIQ REDHA BIN RUSHIDI
30. PG. Khairil qayyiz
31. ROSHANDEV DANIEL
32. MOHAMMAD NAJIB BIN MOHD AFFIFI
33. Qudri Ameer Bin Mohd Safiee
34. Amir Najwan
35. NurSyafrina Binti Ahmad
36. AYU NAZIRA BINTI AZHARUDIN
37. nur lynnda
38. Elmira Akma binti Raman
39. Chai Ming Choy
40. Aina
41. WAN NUR ATIQAH BINTI JUNAIDI
42. NUR KHUZAIMAH BINTI ISKANDAR
43. AARON RYAN SHAMIKA
44. KIEW XUE KEE
45. Khor Yong Xin
46. HAM JING YI
47. Azim Nazlen
48. syamira
49. NOOR ARINIE
50. NURUL AQILAH BINTI AHMAD
51. Mau Khai Shen
52. IRMA ZAFIRAH BINTI MOHD IKRAM
53. prasant
54. DIVIYA ARUMUGAM
55. hizairi thahrir
56. HAZIQ
57. KOH HWEE MIN
58. NG MEI HUI
59. LIM CHIN QING
60. NUR IZZATI BINTI KAMARUDIN
61. AN NUUR MUHAMMAD AHNAF BIN SAMAR

62. amani comel
63. Akmal
64. Zurina Nurfitri
65. Muhammad Fauzan Fikri Bin Awal Ludin
66. Nabila Husna
67. Abdul Azim Bin Abdul Malik
68. Ariff Arsyad 🐒🐒🐒
69. Nurul Farah Izzah binti Abdul Jalil
70. MUHAMMAD IKMAL BIN IBRAHIM
71. Mohd Zurail Fiqri
72. Nurhaznina
73. Atiqah wahab
74. Amira
75. Zaidatul Haneem binti Zulkarnain


9.2 Keputusan Keseluruhan Kuiz Google Form



9.3 Keputusan Setiap Soalan Kuiz


1. Siapakah wanita pertama yang menjadi timbalan perdana menteri dia Malaysia?

62 / 75 correct responses




2. Apakah maksud warna biru pada bendera Malaysia?

65 / 75 correct responses




3. Apakah rukun negara yang ketiga?

70 / 75 correct responses




4. Apakah tema hari kemerdekaan pada tahun 2019?

59 / 75 correct responses




5. Tahun ini merupakan tahun yang ke ___ Malaysia mencapai kemerdekaan ?

53 / 75 correct responses




6. Apakah sarapan kebiasaan rakyat Malaysia?

72 / 75 correct responses




7. Apakah permainan tradisional yang terdapat di Malaysia?

74 / 75 correct responses




8. Antara berikut yang manakah merupakan permainan traditional kaum india?

73 / 75 correct responses




9. Berapakah bilangan orang yang diperlukan untuk bermain congkak?

73 / 75 correct responses



10. Malaysia mempunyai pelbagai tarian KECUALI

75 / 75 correct responses



Berdasarkan graf-graf di atas, dapatlah disimpulkan bahawa majoriti responden-responden yang menjawab kuiz ini dapat memperoleh skor 100% betul. Ini menunjukkan ramai dalam kalangan mereka cakna akan perkara am dan budaya negara.

10. REFLEKSI

10.1 Kekuatan Program

Antara kekuatan program yang dijalankan ini adalah program ini melibatkan secara menyeluruh mahasiswa-mahasiswa yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

Ahli-ahli yang lain juga terlibat dalam perlaksanaan program ini. Program ini telah memberikan satu peluang kepada mahasiswa untuk menimba pengalaman bekerjasama dalam menjayakan suatu program di peringkat yang lebih tinggi.

10.2 Kelemahan Program

Agihan tugas seperti membeli barang adalah sedikit kurang berkesan di mana kami tidak mempunyai kenderaan untuk bergerak.

Selain itu, kekurangan bajet juga menjadi masalah kepada kami. Kami terpaksa menyediakan 50 cenderahati sahaja disebabkan masalah ini.

10.3 Cadangan Penambahbaikan

Cadangan yang perlu dipertimbangkan pada masa akan datang adalah penetapan tema yang lagi menarik setiap tahun. Misalnya sukan rakyat, sukan elit dan banyak lagi supaya pengisianya menjadi lebih menarik dan kreatif.

Pengisian program juga perlu ditambah dengan aktiviti lain seperti kempen kesedaran tentang Malaysia dan sebagainya. Hal ini dapat memeriahkan lagi program tersebut dan perlu diadakan pada setiap tahun agar mahasiswa lebih berusungguh-sungguh untuk melibatkan diri secara keseluruhannya.

11. KESIMPULAN

Ternyata program ini banyak memberi impak kepada mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia terutamanya dalam menerapkan sifat perpaduan kaum antara satu sama lain dalam kalangan mahasiswa. Tambahan pula, pengisian yang telah disusun dan diranang telah berjaya menerapkan budaya berada sambil berhibur.

Pensyarah juga telah memainkan peranan sebagai agen sosial dalam menyampaikan hasrat kerajaan untuk menyemai sifat perpaduan kaum dan memberi kepentingan tentang kempen sayangi Malaysia, Malaysia Bersih.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya. Kehadiran para peserta yang turut serta walaupun bukan dari bidang yang sama. Walaupun terdapat kekangan dari segi kewangan, namun program ini tetap dapat dijalankan dengan meriah. Semoga program ini dapat dilaksanakan dalam skala yang lebih besar dan menarik pada masa akan datang.